



MENIMBANG RASA

Laporan harian di www.wilayahku.com.my
dan
media sosial Wilayahku

Kongsikan info dan cerita banjir anda kepada
helme.hanafi@gmail.com



NADMA nafi dakwaan MP DAP

SABRINA SABRE

AGENSI Pengurusan Bencana Negara (NADMA) menafikan dakwaan Hannah Yeoh bahawa terdapat tarikh tutup permohonan Bantuan Wang Ihsan (BWI) buat mangsa bencana yang terkesan ekoran banjir sejak Sabtu lalu.

NADMA berkata kenyataan Hannah Yeoh yang mendakwa FAQ pihaknya berkaitan BWI adalah bercanggah dengan keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

“FAQ yang dirujuk adalah garis panduan lama.

“Ia tidak lagi terpakai lanjutan pengumuman Perdana Menteri dan arahan ini turut dilanjutkan kepada semua Kerajaan Negeri.

“Dakwaan Hannah Yeoh yang menyatakan terdapat tarikh tutup permohonan BWI adalah tidak benar,” jelas NADMA dalam satu kenyataan.

NADMA turut menafikan sekeras-kerasnya kenyataan tersebut kerana tidak ada tarikh tutup bagi BWI memandangkan kejadian bencana adalah sesuatu yang tidak dapat diramal.

Sementara itu, Mesyuarat Khas Penyelarasan Bencana Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri hari ini, memutuskan bahawa kesemua mangsa bencana yang terkesan ekoran banjir wajar menerima BWI setiap kali ditimpa bencana.

Tambah NADMA, keputusan itu dibuat Perdana Menteri semasa mempengerusikan Mesyuarat Khas Pengurusan Bencana Bersama Menteri Besar dan Ketua Menteri.

NADMA turut memberitahu sebelum ini, kelayakan BWI hanya diberikan sekali dalam tempoh musim bencana.

“Atas keprihatinan Perdana Menteri, kini semua mangsa yang terkesan akibat bencana banjir boleh menuntut BWI sekali kali bencana menimpa tertakluk kepada pengesahan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN)

“Sehingga hari ini, sejumlah RM26.9 juta peruntukan fasa pertama telah disalurkan ke 11 buah negeri untuk pembayaran bantuan wang ihsan manakala tambahan akan diberikan mengikut keperluan,” ujarnya. - **WILAYAHKU**

MISI BANTUAN BANTUAN BANJIR, JUMAAT 24 DISEMBER 2021

Misi Bantuan Banjir KWP meneruskan khidmat bakti kepada penduduk di Kampung Bukit Changgang, Ulu Langat masuk hari keempat hari ini.

Pagi ini Misi Bantuan membuat kerja-kerja pembersihan di Pejabat Penghulu, Balai MPKK, Balai Wanita, Pusat Pemuliharaan Dalam Komuniti dan TADIKA Kg Bukit Changgang yang terkesan dengan bencana banjir.

Tugas pembersihan pagi ini dilaksanakan dengan penglibatan 60 petugas dari DBKL dan PPj. Semoga misi bantuan dan khidmat bakti ini membolehkan masyarakat terus dapat menjalankan aktiviti kemasyarakatan dan pendidikan seperti sediakala.



KERJA-kerja pemunggaan karpet di Pejabat Penghulu.

#KWPbantu
#kitabantu
#KeluargaMalaysia



ANTARA bahan-bahan pembelajaran yang terjejas di TADIKA dikumpulkan.



SEBAHAGIAN petugas sedang membersihkan Balai MPKK Kg Bukit Changgang.



PEJABAT MENTERI
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI EKORAN BANJIR DI KUALA LUMPUR

Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi di bawahnya iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meneruskan kerja-kerja operasi membantu, menyelamatkan dan membersihkan yang memasuki **hari ketujuh** di kawasan-kawasan yang terkesan dengan bencana banjir di sekitar ibu negara Kuala Lumpur.

Status terkini bagi lokasi - lokasi yang terkesan dengan bencana banjir adalah sepertiberikut:

BIL.	LOKASI	STATUS
1	Kg. Periuk	PPS ditutup (kesemua mangsa telah pulang ke kediaman pada jam 10 Pagi petang 24 Disember 2021)
2	Kg. Pasir	253 orang mangsa masih ditempatkan di PPS SJK Tamil Saraswathy Lembah Pantai
3	Kg. Batu Bata	PPS ditutup (kesemua mangsa telah pulang ke kediaman pada jam 4.00 petang 21 Disember 2021)
4	Taman Hock Ann	Air telah surut ; semua penghuni telah kembali ke rumah
5	Lorong Haji Mahadi	Air telah surut dan jalan telah dibuka
6	Jalan Melaka	Air telah surut dan jalan telah dibuka
7	Jalan Batu-Bata	Jalan telah dibuka
8	Jalan Rahmat (PWTC)	Jalan masih ditutup
9	Maluri	Semua jalan telah dibuka
10	Leisure Mall	Semua jalan telah dibuka
11	Bandar Permaisuri	Semua jalan telah dibuka
12	Sg. Besi	Semua jalan telah dibuka
13	Kg. Seri Delima	Air telah surut ; jalan masih belum dibuka
14	Jalan Raja Chulan	Jalan telah dibuka
15	Lorong Jambu Laut	Air telah surut ; jalan masih belum dibuka
16	Kg. Kasipillay	Air telah surut
17	Kg. Chubadak	Jalan telah dibuka
18	Jalan Tiongnam	Jalan telah dibuka

Ketika ini, **pusat pemindahan sementara (PPS)** yang masih aktif adalah di lokasi seperti berikut:

- i. SJK Tamil Saraswathy Lembah Pantai bagi pemindahan penduduk Kampung Pasir; dan
- ii. SK Sg Penchala bagi pemindahan penduduk Kg. Palimbayan

Berikut merupakan status bagi setiap lokasi pusat pemindahan:

BIL.	LOKASI KEJADIAN	LOKASI PUSAT PEMINDAHAN	MANGSA	STATUS
1	Kg Bharu Kg Periuk (Banjir)	Kelab Sultan Sulaiman	-Semua mangsa telah pulang ke kediaman pada 24 Disember 202 (10 Pagi)	-PPS ditutup.
2	Kg Pasir (Banjir)	SJKT Saraswathy Lembah Pantai	253 mangsa (55 keluarga)	-Air telah surut -Lokasi dalam proses pembersihan -DBKL, APM, JKM, JBPM, PDRM
3	Kg Palimbayan (Tanah Runtuh)	SK Sg Penchala	43 Keluarga	-Lokasi sedang dalam kajian dan pembaikan -24 Rumah musnah

Jumlah keseluruhan penduduk yang masih berada di PPS yang **melibatkan mangsa banjir** ialah **253 orang dengan 55 keluarga** manakala yang melibatkan **kejadian tanah runtuh** adalah **43 keluarga**. Jumlah keseluruhan keluarga adalah **98 Keluarga**

Beberapa laporan berkaitan tanah runtuh telah dikenalpasti oleh DBKL iaitu melibatkan

70 lokasi tanah runtuh. Senarai lokasi adalah seperti berikut :

- Persiaran Negeri Sembilan
- Setiawangsa (Cerun C)
- Setiawangsa (Cerun D)
- Jalan Durian 3, Cheras
- 5 Lorong Bukit Pantai 3
- Jalan 2/98, Taman Supreme
- Lot 2979, Jalan Penchala Indah
- No 263 Taman Damansara Indah
- Bangsar Indah Condominium
- Jalan Kelantan, Bukit Persekutuan
- Jalan Bukit Ledang, Damansara

- Jalan Pantai Permai
- Jalan Perkasa, Taman Salak Selatan
- Semantan Villa
- No 37, Jln Changkat Semantan 1, Damansara Heights
- Jalan 2/48B, Taman Bukit Mas
- Kampung Puah
- Seri Duta 1, Bukit Tunku
- Taman Seputeh 3
- Lorong Burhanuddin Helmi 4, TTDI
- Parking Awam Bukit Nenas
- Kampung Palimbayan, Sungai Penchala -Jalan masih ditutup
- Jalan Kiara 3 (Segambut Dalam)
- 22, Lorong Travers
- Seri Carcosa - Tali keselamatan dan *water barrier* telah diletakkan dilokasi.
- Kondominium Seri Duta , Taman Duta
- Lot 210 & 212, Jalan Desa Mesra, Tmn Desa
- No 31, Jalan Batai Barat, Bukit Damansara
- No 15, Changkat Tunku, Bukit Tunku
- 32, Jalan Teruntong, Damansara Heights
- Jalan Parlimen
- Jalan Ledang, Damansara
- 92A, Jalan Jelutong, Damansara Heights
- Jalan Dungun
- No 19, Jalan Bukit Tunku
- Jalan 1/154, Taman Bukit Anggerik
- Jalan 5/98, Taman Supreme
- Jalan Parlimen (Cerun Tugu Negara)
- Susur Keluar Lebuhraya Sultan Iskandar menghala ke Jalan Parlimen
- Jalan Tuanku Abdul Halim susur ke Istana Negara
- Jalan Kia Peng sebelum simpang masuk ke Persiaran KLCC
- Lot 2750, Kampung Sg Penchala, Jalan Sri Penchala 2
- Wedgewood Residences, 11 Jalan Mont Kiara
- Lorong Beluntas 2 dan 3, Medan Damansara
- PPR Intan Baiduri (Blok D)
- Jalan Bukit Setiawangsa 1
- 8, Jalan 51/26, Taman Seri Rampai
- Persiaran Syed Putra
- 18, Jalan 51/26, Taman Sri Rampai
- Jalan Jalil Perkasa 19
- Pusat Komuniti, Jalan Taman Setiawangsa
- No.1, Setia Mumi 7
- No.10 & 12, Jalan Setia kasih 6
- Bank Negara
- Arkib Negara
- Kondominium Sri Kinabalu
- Lot 2750, jalan Sri Penchala 2, Kg Sg Penchala
- 92A, Jalan Jelutong, Damansara Heights
- Lorong Bukit Pantai 2

- Medan Selera
- No. 25 & 27, Lorong Travers
- Bangunan Parlimen
- Jalan Kiara 3
- No.15, Changkat Tunku, Bukit Tunku
- 32, Jalan Teruntong
- 11, Jalan Mont Kiara
- Lorong Beluntas 2 dan 3
- PPR Intan Baiduri, Blok D
- Jalan 3/125, Desa Petaling
- Berhampiran kuil Jalan Robson

Pihak IKRAM telah dilantik oleh DBKL untuk membuat kajian bagi mengenalpasti lindungan penyelesaian yang sesuai untuk dilaksanakan.

DBKL juga telah mengenalpasti lokasi **pokok tumbang dan dahan serkah** menerusi siasatan di tapak dan aduan awam. Lokasi dan status bagi setiap lokasi yang terlibat adalah seperti berikut :

BIL	LOKASI	STATUS
1.	Jalan Bukit Damansara 195	Selesai
2.	Jalan Pantai Permai, Lembah Pantai	Selesai
3.	Muzium Di Raja Bukit, Petaling (Pintu 2)	Selesai
4.	IPD Brickfields	Selesai
5.	Jalan Siakap Blok 28 Cheras	Selesai
6.	Jalan Midah 8 Cheras	Selesai
7.	Jalan Jubilee off Jalan Loke Yew	Selesai
8.	Galeria Sri Perdana, Jalan Terengganu	Selesai
9.	Klinik Kesihatan Segambut Dalam	Selesai
10.	Jalan 1/4B Bukit Mas, Taman Melawati	Selesai
11.	SMK Wangsa Melawati	Selesai
12.	Jalan 2/27A Sekyen 1 Wangsa Maju	Selesai
13.	Jalan Raja Chulan, No 43	Selesai
14.	Lorong Setia Bistari, Bukit Damansara	Selesai

15.	Jalan Kuching, Bulatan Dato Onn	Selesai
16.	Jalan Tuanku Abdul Halim	Selesai
17.	Persiaran Lemak Taman Segar Jalan Cheras	Selesai
18.	Jalan Sekilau, Taman Tenaga	Selesai
19.	Jalan Tunku, Bukit Tunku	Selesai
20.	Jalan Sultan Azlan Shah	Selesai
21.	No16A, Jalan Air Panas Baru, Air Panas Setapak	Selesai
22.	Wisma Tani Ke Bukit Tunku	Selesai
23.	No 10, Jalan 1/38C Taman Sri Kepong Baru	Selesai
24.	No 40, Jalan Medan Tanduk Bukit Bandaraya Damansara	Selesai
25.	Masjid Jamek Petaling, Jalan Puchong	Selesai
26.	Jalan Damai Jasa 18, Alam Damai	Selesai
27.	Jalan 1/38F, Taman Sri Sinar	Selesai
28.	Tepi Sek Keb Bt 4, Jalan Ipoh	Selesai
29.	Hadapan Rumah Menteri Kewangan Bukit Tunku Kenny Hill	Selesai
30.	Jln Medan Putra 1, Bandar Manjalara	Selesai
31.	Jln 1/62A Manjalara	Selesai
32.	Berhampiran Pondok Polis Taman Desa	Selesai
33.	Jln 3 /38A Taman Sri Sinar	Selesai
34.	677, Lingkungan Jambu Gajus	Selesai
35.	Hadapan Blok 42, Jalan Loke Yew	Selesai
36.	Jalan Kolam Air 4, Jalan Ipoh	Selesai
37.	Bukit Mas, Taman Melawati	Selesai
38.	Lebuhraya Sultan Iskandar	Selesai
39.	Jln Medan Tanduk, Bangsar.	Selesai
40.	Jln 1/27D, Seksyen 6 Wangsa Maju	Selesai

41.	Jln Wangsa Perdana 3, Seksyen 4, Wangsa Maju	Selesai
42.	Jalan 27/56, AU3 Keramat Wangsa	Selesai
43.	Jalan Metro Perdana Barat 13, Kepong	Selesai
44.	92 Danau, Jalan 2/62 Bandar Manjalara Kepong	Selesai
45.	35, Jalan Langgak Tunku, Bukit Tunku	Selesai
46.	Jalan Nikmat, Taman Bukit Aman	Selesai
47.	Berdekatan Federal Hotel	Selesai
48.	Jalan Sri Permaisuri 1	Selesai
49.	Jalan Kuching ke Bulatan Segambut	Selesai
50.	Robson Heights Jalan Pesiaran Endah	Selesai
51.	Jalan Delima 10	Selesai
52.	Ppr Bukit Jalil Blok A	Selesai
53.	Lorong Setiajasa 1	Selesai
54.	Pangsapuri Desa Tenaga	Selesai
55.	Jalan 7/6B Taman Segambut	Selesai
56.	Jalan Kampas	Selesai
57.	Jalan Kuching Menghala Ke KL	
58.	Jalan Air Dusun	Selesai
59.	Jalan Wangsa Perdana 3 Seksyen 6	Selesai
60.	Jalan 1/27d Seksyen 6	Selesai
61.	Flat Loke Yew Hadapan Blok 42	
62.	Jalan Langgak Tunku	Selesai
63.	Jalan 40/70A Sri Hartamas	Selesai
64.	Jalan Bukit Ledang	Selesai
65.	Jalan Taman Ibu Kota	Selesai
66.	Jalan Tuanku Abdull Halim	Selesai
67.	Jalan Mesra Ria	Selesai

68.	Jalan Tunku Bukit Tunku	Selesai
69.	Ppr Kg.Muhibbah	Selesai
70.	Jalan Belfield	Selesai
71.	Taman Dusun	
72.	Jalan Awan Kelarai Taman Yarl	Selesai
73.	Jalan Pantai Permai	Selesai
74.	Greenpark AB Condo Jalan Awan Pintai Taman Yarl	
75.	JKR 2935 Jalan Ledang	Selesai
76.	100, Jalan Jelulong	Selesai
77.	Jalan Maarof	Selesai
78.	Medan Selera Jalan Duta	Selesai
79.	27,Lorong Travers	
80.	Selepas Bulatan Segambut ke arah Matic	
81.	Jalan Kuchai ke arah Jalan Kuchai Lama	Selesai
82.	Jalan Awan Kechil Taman Yarl	Selesai
83.	Regalia Suites Jalan Kuching	Selesai
84.	JKR 3149 Jalan Persekutuan	Selesai
85.	Jalan Alor, B.Bintang	Selesai
86.	Jalan 27/56 AU3 Keramat Wangsa	Selesai
87.	Petronas Salak Jaya	Selesai
88.	Jalan 1/56 AU3 Keramat Wangsa	Selesai
89.	Jalan Tuanku Abdul Halim	Selesai
90.	Jalan Bintang	
91.	Lorong Seliabistari Damansara	Selesai
92.	Jalan Tunku	Selesai
93.	Jalan Setiamurni 6	Selesai

DBKL bersama agensi sahabat seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), RELA, Alam Flora, NADMA dan Pasukan Pengakap Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terus menjalankan operasi membantudan menyelamatkan serta menjalankan kerja – kerja pembersihan

Jumlah keseluruhan kekuatan anggota yang terlibat adalah seramai **1,400 orang**.

Kerja-kerja pembersihan juga telah mula dilakukan sejak 19 Disember 2021 oleh DBKL melalui pihak Alam Flora di sekitar bandar raya Kuala Lumpur dan akan diteruskan sehingga selesai.

Seramai **350 orang kakitangan** yang terlibat dalam **kerja-kerja pembersihan** yang terdiri daripada kakitangan DBKL dan kakitangan Alam Flora.

Berikut merupakan status pembersihan di setiap lokasi yang terlibat:

BIL	LOKASI	STATUS KERJA PEMBERSIHAN
1	Kg. Periuk	Dalam proses pembersihan
2	Kg. Pasir	Dalam proses pembersihan
3	Kg. Batu Bata	Selesai
4	Taman Hock Ann	Selesai
5	Lorong Haji Mahadi	Dalam proses pembersihan
6	Jalan Melaka	Selesai
7	Jalan Batu-Bata	Selesai
8	Jalan Rahmat (PWTC)	Selesai
9	Maluri	Selesai
10	Leisure Mall	Selesai
11	Bandar Permaisuri	Selesai
12	Sg. Besi	Selesai
13	Kg. Seri Delima	Dalam proses pembersihan
14	Jalan Raja Chulan	Dalam proses pembersihan
15	Lorong Jambu Laut	Dalam proses pembersihan
16	Kg. Kasipillay	Dalam proses pembersihan
17	Kg. Chubadak	Dalam proses pembersihan

18	Jalan Tiong Nam	Dalam proses pembersihan
19	Jalan Raja Laut	Selesai
20	Jalan Raja	Selesai
21	Jalan Melayu	Selesai
22	Jalan Tun Perak	Selesai
23	Jalan Sultan Hishamudin	Selesai
24	Jalan Sultan Azlan Shah	Selesai
25	Masjid Jamek	Selesai
26	Jalan Kolam Air	Selesai
27	Jalan Putra	Selesai
28	Pejabat JPK Pekeliling	Selesai
29	Jalan Pahang	Dalam proses pembersihan
30	Flat PKNS Kg Baru	Dalam proses pembersihan
31	Jalan 1/68D	Selesai

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
Menteri Wilayah Persekutuan
24 Disember 2021

Shahidan arah petugas PKOB Dengkil pindah ke Hulu Langat segera

PETUGAS Pusat Kawalan Operasi Banjir (PKOB) Dengkil yang diselia petugas Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) di arah ke Hulu Langat dengan segera bagi membantu kerja-kerja pembersihan pasca banjir.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, keputusan itu di ambil bagi membantu kawasan Hulu Langat yang agak teruk terjejas di samping perlu melakukan operasi pasca banjir dengan segera.

“Keadaan di sini agak teruk dan setelah mendengar taklimat dari pihak kerajaan negeri, maka saya berpandangan kita perlu menumpukan kerja di Hulu Langat.

“Saya juga akan pastikan pasukan PPj yang kini berada di Dengkil akan bergerak dengan segera ke Hulu Langat untuk membantu kerja-kerja pembersihan di kawasan ini,” katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat berkenaan bencana di Balai Penghulu Mukim Hulu Langat di sini hari ini.

Taklimat disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bencana Hulu Langat, Mohd Khairuddin Othman serta Pegawai Daerah Hulu Langat, Dr Ani Ahmad.

Kata Shahidan, pihaknya akan membantu menyediakan keperluan serta kelengkapan untuk operasi pasca banjir yang diperlukan.

“Kita mendengar keperluan-keperluan terkini pasca banjir diantaranya mereka perlukan lori RORO dan perlukan bot kerana dikhuatiri gelombang kedua nanti.

“Kita cuma perlu tambah lagi dan permintaan daripada mereka termasuklah jentera backho yang mereka perlukan dan kita akan beri lima buah lagi untuk kerja-kerja pembersihan lumpur dengan lebih cepat,” katanya.

Menurut Shahidan, beliau akan menghantar lebih ramai petugas dalam kalangan warga kerja KWP dan agensi di bawahnya bagi mempercepat operasi pembersihan sekali gus membantu penduduk yang terkesan dengan bencana ini.

“Setakat ini, kerajaan negeri telah mempunyai jentera kira-kira 950 orang dan yang kita ni, saya nak sebut ‘ramailah’.

“Sebab kita hendak gerakkan sukarelawan dan DBKL sendiri mempunyai lebih 9,000 kaki tangan, jadi kita akan gerakkan mereka menjadi sukarelawan termasuk semua kakitangan KWP dan agensi untuk datang membantu kerja-kerja pasca banjir,” katanya.

Pada lawatan itu, Shahidan turut menyerahkan sumbangan ‘water jet’ kepada 14 Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Daerah Hulu Langat bagi memudahkan kerja-kerja pembersihan di laksanakan.- **WILAYAHKU**



MENJUNJUNG kasih kepada Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah kerana berkenan melawat PPS Sekolah Kebangsaan Sungai Penchala yang menempatkan 43 keluarga.



SEBANYAK 24 buah rumah musnah dan 70 rumah lagi terjejas yang melibatkan keseluruhan 284 mangsa, ekoran tanah runtuh di Jalan Palimbayan.





SUKARELAWAN giat membantu mangsa-mangsa banjir membersihkan kawasan rumah di Taman Sri Muda.

Banjir di tiga negeri catat 46 kematian, lima masih hilang

SEBANYAK 46 kematian manakala lima lagi mangsa masih hilang di tiga negeri terjejas banjir direkodkan setakat jam 4 pagi tadi.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani berkata negeri yang terlibat ialah Pahang, Selangor dan Kelantan.

“Di Selangor merekodkan sejumlah 25 kematian, Pahang seramai 18 orang, Kelantan sebanyak tiga kematian dan setakat ini lima mangsa masih hilang dan kita harapkan kesemua mangsa dapat ditemui secepat mungkin,” katanya dalam satu sidang media di Pusat Media Bergerak, Pusat Kawalan Operasi Bencana, Seksyen 25, Taman Sri Muda, Shah Alam.

Acryl berkata setakat jam 4 pagi tadi masih terdapat seramai 54,532 mangsa ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

“Setakat ini Pahang mencatatkan jumlah penempatan mangsa paling ramai iaitu 29,108 orang berbanding di Selangor 23,702 mangsa, Kelantan 974, Perak 105 dan Negeri Sembilan seramai 292 mangsa dan Melaka 38 orang

“Kesemua mangsa masih ditempatkan di 334 PPS yang melibatkan tujuh buah negeri,” jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan laporan daripada Jabatan Pengairan dan Saluran terdapat lapan negeri berada mencatatkan paras air sungai di tahap berwaspada, amaran dan bahaya.

“Sembilan lokasi di Pahang di mana dua sungai berada di tahap berwaspada, empat amaran manakala tiga lagi di tahap berbahaya.

“Tiga sungai di Selangor berada dalam tahap waspada dan amaran, Kelantan pula dua sungai di tahap amaran manakala satu lokasi di Terengganu, tiga di Johor, tiga di Sarawak, dua di Melaka dan satu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mana kesemuanya di tahap waspada,” jelasnya.

Menurutnya, selain penumpuan di PPS, usaha-usaha untuk membersihkan kawasan terjejas sedang giat dijalankan mengikut jadual yang telah disusun hasil kerjasama daripada pihak berkuasa dan agensi, Pejabat Daerah, Perbandaran dan sukarelawan bagi membantu proses pembersihan.



LONGGOKAN sampah yang diletakkan di luar rumah penduduk ketika proses pembersihan secara menyeluruh di jalan di Taman Sri Muda, Shah Alam.



PENDUDUK giat membersihkan kawasan rumah mereka yang terjejas akibat banjir di Taman Sri Muda, Shah Alam.

377 anggota PDRM dikerah banteras jenayah banjir

SUSULAN kejadian pecah masuk premis perniagaan dan kawasan perumahan yang tular di media sosial baru-baru ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) komited membanteras jenayah yang berlaku di musim banjir kali ini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani mengerahkan 377 anggotanya dalam 94 pasukan sekitar ibu negara di kawasan terlibat bencana banjir bagi membanteras kejadian tersebut.

“PDRM melalui Jabatan Siasatan Jenayah dan kontinjen negeri menggerakkan anggota bagi membantu operasi pencegahan kejadian curi dan pecah premis sama ada perniagaan atau persendirian agar jenayah ini tidak berulang lagi.

“Bermula 17 Disember sehingga 24 Disember sebanyak 15 kes jenayah dilaporkan membabitkan lima kes kecurian motor dan kenderaan manakala 10 kertas siasatan diterima berkaitan pecah premis perniagaan dan rumah,” jelasnya dalam satu sidang media di Taman Sri Muda, pagi tadi.

Menurut beliau setakat semalam tiada kes baru dilaporkan dan mengharapkan ia kekal sedemikian.

“Kejadian pecah masuk rumah dan premis perniagaan ini adalah satu kesalahan jenayah. Kami akan siasat berdasarkan laporan dan aduan yang dikemukakan orang awam,” tegasnya

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan sejumlah 68 jalan masih ditutup ekoran banjir.

“Berdasarkan laporan yang diperoleh daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) melibatkan tiga kawasan di Kelantan, lima lokasi di Negeri Sembilan, 14 di Selangor dan Pahang sebanyak 46 lokasi,” katanya.



KETUA Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani bercakap pada sidang media Ops Banjir di Pusat Media Bergerak, Pusan Kawalan Bencana, Taman Seri Muda, Shah Alam.



***LONGGOKAN** sampah yang diletakkan di luar rumah penduduk ketika proses pembersihan secara menyeluruh di jalan di Taman Sri Muda, Shah Alam.*



Singsing lengan ringankan beban

DBKL tidak hanya tertumpu menghulurkan bantuan pasca banjir dengan tenaga kerja serta aset sahaja malah turut melibatkan sukarelawan yang terdiri daripada kalangan warga kerjanya.

Sukarelawan daripada Sektor Perancangan DBKL hari ini turun membantu kerja-kerja pasca banjir dengan melakukan pembersihan di Taman Casa Lagenda, Hulu Langat, Selangor.

Pasukan sukarelawan yang melibatkan seramai 60 orang dari pelbagai jabatan DBKL diketuai oleh Puan Fajariah Sulaiman, Pengarah Jabatan Perancangan Infrastruktur DBKL mengambil inisiatif bagi meringankan beban mangsa yang terlibat.

Khidmat sukarelawan diharap dapat membantu mempercepatkan proses pembersihan dan pemulihan kawasan sekitar yang terjejas akibat banjir.







KEMENTERIAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

LAPORAN HARIAN

MISI BANTUAN BANJIR
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA AGENSI

BILIK GERAKAN LAPANGAN
LABU LANJUT DAERAH SEPANG
24 DISEMBER 2021 (JUMAAT)

MISI BANTUAN BANJIR KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA AGENSI
BILIK GERAKAN LAPANGAN LABU LANJUT DAERAH SEPANG

RINGKASAN OPERASI 24 DISEMBER 2021 (JUMAAT)

MASA MULA OPERASI	8:30 PG	JUMLAH SKUAD	2
MASA TAMAT OPERASI	8:00 MLM	JUMLAH SUKARELAWAN / PEKERJA PEMBERSIHAN	15
JUMLAH PEMBERSIHAN / BANTUAN			
TAMAN PERMAINAN	2	JALAN AWAM	10
PENYEDIAAN BAKUL MAKANAN	200		

**JENTERA, KELENGKAPAN DAN SUKARELAWAN
PUSAT KAWALAN OPERASI LABU LANJUT 24 DISEMBER 2021**

BIL	ITEM	JUMLAH
KENDERAAN		
1.	LORI	1
2.	PACUAN 4 RODA	5
3.	BACK HOE	-
4.	LORI AIR	2
KELENGKAPAN BILIK GERAKAN		
1.	KANOPI 20 X 20	2
2.	GENERATOR SET	1
3.	MEJA	6
4.	KERUSI	20
5.	TOI TOI	6
PERALATAN PEMBERSIHAN		
1.	WATER JET	1
2.	PENYAPU / SCRAPER	-
4	TONG RORO	-
KELENGKAPAN / PERALATAN LAIN		
1.	WATER PUMP	3
SUKARELAWAN / PETUGAS		
1	SUKARELAWAN / PETUGAS PPj	11 ORANG
2.	PEKERJA PEMBERSIHAN	4 ORANG

**MISI BANTUAN BANJIR KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA AGENSI
PUSAT KAWALAN OPERASI LABU LANJUT DAERAH SEPANG**

TARIKH :	24 DISEMBER 2021 (JUMAAT)
SKUAD:	1 & 2
PERSON INCHARGE	ZAINI (01164600136)
KAWASAN	DATARAN ABADI & SALAK LESTARI
KONTRAKTOR PEMBERSIHAN	AKAR KRISTAL MENAWAR TANI RESOURCES (2 PASUKAN, 4 ORG PEKERJA)
SUKARELAWAN	PPj (11 ORG)
JENTERA / KELENGKAPAN	LORI (1) LORI AIR (2) 4WD (4)
STATUS	JALAN-JALAN DATARAN ABADI (SIAP 100%) JALAN-JALAN SALAK LESTARI (SIAP 100%) TAMAN PERMAINAN DATARAN ABADI (1) (SIAP 100%) PENYEDIAAN BAKUL MAKANAN (200 BAKUL) (SIAP 100%)

PEMBERSIHAN JALAN & TAMAN PERMAINAN



PEMBERSIHAN JALAN & TAMAN PERMAINAN



PENYEDIAAN BANTUAN BAKUL MAKANAN



PENYELARASAN OPERASI BERSAMA PASUKAN BANTUAN KEMENTERIAN KEWANGAN / YB TENGKU ZAFRUL DI LABU LANJUT



